

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (86)
Tarikh: 24 Ogos 2012

KENYATAAN AKHBAR

PJ DAN GUANGZHOU JALIN HUBUNGAN BANDAR PERSAHABATAN

Satu rombongan yang terdiri daripada 26 orang ahli majlis dan pegawai MBPJ, sektor swasta dan Tourism Selangor dan diketuai oleh YB Tuan Ronnie Liu Thian Kiew, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Tetap Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan serta Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyertai Guangzhou Fair 2012 pada 23 hingga 28 Ogos 2012.

Atas perundangan Guangzhou Municipal Government ini merupakan kali kedua MBPJ menyertai ekspo tahunan tersebut yang memaparkan persembahan dan pameran daripada semua Bandaraya Persahabatan dan Bandaraya Berkembar dalam negeri dan antarabangsa Guangzhou City di samping pameran perniagaan lain di Pavillion Export dan Import Biazhou, Guangzhou.

Guangzhou Fair 2012 ini telah dirasmikan oleh Mr. Chen Jian Hua, Mayor of Guangzhou pada 24 Ogos 2012 dengan kehadiran wakill agensi dan juga Datuk Bandar daripada Negara lain di seluruh dunia. YB Ronnie Liew Thian Kiew dan YBhg Dato' Haji Mohamad Roslan Sakiman telah diberi penghormatan untuk menduduki tempat tetamu khas bagi menyaksikan upacara perasmian yang gilang-gemilang.

Galeri MBPJ yang bercirikan rekabentuk rumah tradisi kampong telah menonjolkan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya sejahtera, dinamik dan sesuai untuk didiami dan dikunjungi oleh pelawat. Poster dan risalah memperkenalkan Petaling Jaya sebagai tempat kediaman impian, rekreasi, destinasi pelancongan, pusat membeli belah, perubatan, kesihatan dan pendidikan telah disediakan untuk peredaran awam di samping tempat alam semulajadi menjadi tarikan pelancongan di Negeri Selangor juga dipaparkan.

Di Galeri MBPJ ini turut dimeriahkan lagi dengan adanya persembahan tarian kebudayaan tradisi Melayu oleh artis MBPJ dari masa ke semasa. Sambutan ke atas Galeri MBPJ adalah begitu menggalakkan di mana banyak pertanyaan tentang destinasi pelancongan dan pelaburan di Petaling Jaya.

Pada 24 Ogos 2012, satu surat hasrat bagi mewujudkan perjalinan Bandaraya Persahabatan antara Petaling Jaya dan Guangzhou telah ditandatangani oleh Foreign Affaris kedua-dua bandaraya. Yg. Bhg. Datuk Bandar MBPJ dan Director General of Foreign Affairs Bureau, Guangzhou Municipal Government telah menandatangani surat tersebut yang disaksikan oleh YB. Ronnie Liu Thian Kiew dan YB Gwo Borne Low, ahli Parlimen Kelana Jaya bersama-sama wakil Bandaraya persahabatan Guangzhou serta rombongan Majlis.

Surat hasrat ini merupakan hasil perbincangan antara kedua-dua pihak berkuasa sejak penyertaan MBPJ dan Guangzhou Fair 2011 pada tahun lalu. Idea menjalinkan perhubungan bandaraya persahabatan ini telah tercetus melalui kajian yang dibuat ke atas sejarah perbandaran, perancangan, pembangunan bandar serta peranan yang dimainkan oleh kedua-dua bandaraya sebagai Gateway Antarabangsa serta aspirasi kedua-dua bandaraya dalam kedudukan Negara masing-masing sebagai Gateway Antarabangsa serta aspirasi kedua-dua bandaraya yang ingin mewujudkan bandaraya hijau berkarbon rendah sesuai untuk didiami dan mesra alam.

YB Ronnie Liew dalam ucapannya semasa Majlis Menandatangani Surat Hasrat berkata “ini merupakan satu penghormatan kepada Petaling Jaya khususnya dan Negeri Selangor amnya kerana Petaling Jaya hanyalah lebih kurang 2% saja jika dilihat dari segi saiz bandar Guangzhou seluas 7700 km persegi dan populasi menjangkau 23 juta penduduk, dan sememangnya Kerajaan Negeri Selangor mempunyai harapan dan keyakinan yang besar dengan perjalinan persahabatan ini secara formal, kekerapan pertemuan antara semua pihak berkepentingan dan aktiviti perniagaan serta sosio-budaya lain akan dipertimbangkan”.

Surat hasrat ini juga merupakan titik permulaan ke arah menformalisasikan satu memorandum persefahaman dan dijangkakan bahawa persahabatan dan perhubungan antara kerajaan, sektor swasta, perniagaan dan masyarakat serta organisasi bukan kerajaan akan dipertingkatkan dan lebih kerap lagi.

Guangzhou merupakan bandaraya persahabatan ke-3 Petaling Jaya selepas Bandung, Indonesia dan Satama Cho, Japan.

Berempena dengan lawatan tersebut, Datuk Bandar turut menjadi tuan rumah kepada Majlis Makan Malam MBPJ bersama Warga Peniaga Malaysia di Guangzhou pada 25 Ogos 2012. Seramai 50 orang termasuk peniaga daripada Bandar Petaling Jaya telah menghadiri Majlis tersebut. Encik Yip Seong Mun, perunding perkhidmatan sukan golf yang berasal daripada seksyen 9, Petaling Jaya dan telah menetap di Guangzhou sejak 13 tahun yang lalu berkata, “saya sangat gembira melihat bandaraya saya menjalinkan perhubungan yang erat dengan Guangzhou City dan akan berdaya-upaya mempromosikan keunikan Petaling Jaya kepada masyarakat China di Guangzhou”.

Majlis suai kenal ini bertujuan untuk memberikan pengenalan awal berkenaan Petaling Jaya kepada warga Malaysia di Guangzhou dan seterusnya adalah diharapkan golongan peniaga yang bermastautin di sana akan menjadi duta Bandaraya Petaling Jaya.

Penyertaan MBPJ dalam Guangzhou Fair 2012 dan kunjungan kehormat yang disusuli dengan menandatangani Surat Hasrat Bandaraya Persahabatan telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Sememangnya penyertaan proaktif MBPJ turut memperkenalkan Bandaraya Petaling Jaya kepada arena antarabangsa.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my